



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

MESYUARAT MENTERI-MENTERI LUAR NEGERI ASEAN ke-56 (AMM ke-56) DAN MESYUARAT-MESYUARAT BERKAITAN, 11 - 14 JULAI 2023

Menteri Luar Negeri Malaysia, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, akan mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN ke-56 (AMM ke-56) dan Mesyuarat-Mesyuarat berkaitan dari 11 hingga 14 Julai 2023 di Jakarta, Indonesia.

Pada AMM ke-56 ini, Dr. Zambry dijadualkan menyertai beberapa mesyuarat seperti berikut:

- i. Pasca Persidangan Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN +1 (PMC +1) dengan negara-negara rakan dialog secara berasingan [Amerika Syarikat, Australia, China, India, Japan, Kanada, Kesatuan Eropah, New Zealand, ROK, Rusia dan UK];
- ii. Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN Campur Tiga ke-24 (APT FMM ke-24);
- iii. Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri Sidang Kemuncak Asia Timur ke-13;
- iv. Mesyuarat Suruhanjaya Kawasan Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ);
- v. Mesyuarat Suamuka (*Interface*) bersama wakil-wakil Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR); dan
- vi. Forum Serantau ASEAN ke-30 (ARF ke-30).

YB Menteri Luar Negeri dan Menteri Luar Kanada akan mempengerusikan secara bersama Mesyuarat PMC +1 dengan Kanada kerana Malaysia merupakan Negara Penyelaras untuk hubungan dialog ASEAN-Kanada bagi tempoh 2021-2024.

Semasa AMM ke-56, Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN dijangka akan membincangkan perkara-perkara berikut iaitu :

- i. Kemajuan Pembangunan Komuniti ASEAN;
- ii. Keutamaan dan Hasil Utama ASEAN di bawah Kepengerusian ASEAN oleh Indonesia;



WISMA PUTRA

- iii. Pelaksanaan kerjasama di bawah *ASEAN Outlook on the Indo-Pacific*; dan
- iv. Isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

Para Menteri Luar Negeri juga akan membincangkan persiapan untuk Sidang Kemuncak ASEAN ke-43 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan, yang dijadualkan pada September 2023 di Indonesia.

AMM ke-56 merupakan platform yang baik kepada Malaysia untuk berkongsi dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu berkepentingan bersama termasuklah usaha-usaha pemulihan ekonomi, rantai bekalan global, keterjaminan makanan, perubahan iklim dan peralihan tenaga.

Penyertaan Malaysia ke AMM ke-56 dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan mencerminkan komitmen Malaysia dalam mengekalkan keamanan, kestabilan, dan kemakmuran di Asia Tenggara terutamanya apabila rantau ini menghadapi ketidaktentuan pada aspek keselamatan dan sosio-ekonomi.

YB Menteri Luar juga dijangka akan mengadakan pertemuan dua hala dengan beberapa rakan sejawat dari Amerika Syarikat, China, India, Kanada, Norway, Bangladesh, Singapura dan Timor Leste.

Pada akhir AMM ke-56 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan, Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN dijangka memperakukan beberapa dokumen, termasuk Kenyataan Bersama AMM ke-56 yang akan memperincikan hasil perbincangan serta keputusan strategik yang dicapai semasa mesyuarat-mesyuarat tersebut.

PUTRAJAYA
10 Julai 2023